



Latihan 1

Pada akhir sesi, peserta dapat memahami Konsep Pentaksiran iaitu:



Memahami definisi pentaksiran, pengujian, pengukuran dan penilaian

Lengkapkan rajah di bawah

Pentaksiran

Pengujian

Teknik yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi tujuan penilaian

Pengukuran

Penilaian

Proses mengenal pasti, memperoleh dan menyediakan maklumat berguna bagi mempertimbangkan keputusan pilihan-pilihan yang ada; menentukan jurang perbezaan.

Proses membezakan trait, ciri-ciri dan tingkah laku; sama ada secara formal atau bukan formal. Biasanya ia merupakan proses memberi angka untuk menjelaskan atribut-atribut atau ciri-ciri seseorang, objek atau kejadian.

Proses mendapatkan maklumat dengan menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan sama ada formatif, sumatif, formal dan informal bagi mendapatkan evidens yang boleh dipertimbangkan dan seterusnya membuat penghakiman tentang sesuatu produk pendidikan



Latihan 2


Pada akhir sesi, peserta dapat memahami Prinsip-prinsip Pentaksiran iaitu:

Kesahan dan kebolehpercayaan
Keobjektifan
Kebolehtadbiran
Kemudahtafsiran
Kekomprehensifan

Lengkapkan rajah di bawah



Konsep penting dalam pentaksiran



Sejauh mana kelancaran atau kerja-kerja susulan dapat dijalankan dengan mudah dalam proses pengujian dan pentaksiran yang dijalankan sama ada secara berpusat atau pentaksiran bilik darjah.

Sejauh mana sesuatu ujian mengandungi item yang mewakili semua objektif yang penting.

Sejauh mana ia dapat memberi Kebolehtadbiran maklumat mengenai calon; sejauh mana ia dapat mendiskriminasi calon dan sejauh mana ia menepati tujuan mengadakan ujian dan pentaksiran itu.

Merujuk kepada ketepatan seseorang pemeriksa memeriksa atau memberi skor calon.

- Sejauh mana skor sesuatu ujian pentaksiran itu menggambarkan apa yang hendak ditaksir.
- merujuk kepada ciri skor berhubung dengan ketepatan dan ketekalan skor itu untuk menggambarkan prestasi murid yang ditaksir.
- berkait dengan konsep tepat, tekal (konsisten), stabil, boleh diharapkan dan boleh meramal.

- Sejauh mana skor sesuatu ujian pentaksiran itu menggambarkan apa yang hendak ditaksir.
- Kebolehtafsiran, kerelevanan dan kebolegunaan skor untuk membuat keputusan.
- Kesahan skor ditentukan oleh dua faktor, iaitu relevan dan mewakili.

